

Jf vj, \

S&Parlimen

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIISNIN: 22 NOVEMBER 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS AN
YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DID ALAM DEWAN (SOALAN NO. 4,
8,12,14 HINGGA 40)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,2, 3, 5 HINGGA 11 DAN

13

[RUJUK PENYATA RASMIIA RIAN (HANSARD)]

NO SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PAD A : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2010

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan siasatan dan pendakwaan ke atas tokoh-tokoh UMNO dan MCA lain yang terlibat dalam skandal PKFZ selepas pendakwaan ke atas mantan Menteri Pengangkutan, Dr. Tun Ling Liong Sik.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dalam kes PKFZ setakat ini lima individu telah dituduh di Mahkamah termasuk seorang bekas Menteri kabinet. Sebarang tindakan pendakwaan seianjutnya akan dibuat berdasarkan bukti dan keterangan yang diperolehi semasa siasatan serta kerjasama yang diberikan oleh saksi-saksi dan bukannya berdasarkan *party affiliation* (dengan izin) atau *public opinion* semata-mata.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN Y.B. DATO' JOHARI BIN
ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH

22.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta Menteri Pelajaran menyatakan Menteri pada satu jawapan pada 9 Disember 2009 menyebut akan 'membestarikan' kesemua 10,000 buah sekolah di seluruh negara:-

- (a) nyatakan dengan terperinci apa yang dimaksudkandengan 'membestarikan'; dan
- (b) sejak diumumkan berapakah sekolah yang telah dibestarikan dan jika ada masalah, apakah sebab-sebab utama proses ini menjadi lambat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Pembestarian sekolah merupakan satu proses yang berterusan dalam usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadikan semua sekolah rendah dan menengah yang melibatkan hampir 10,000 buah sekolah dilengkapi dengan kemudahan ICT, sumber informasi dan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran serta dalam pengurusan sekolah.

Tahap bestari sesebuah sekolah diukur menggunakan *Smart School Qualification Standards* (SSQS). Empat komponen utama dalam SSQS adalah:

- i. Modal Insan 40 peratus yang merujuk kepada kompetensi Pentadbir, Guru dan Murid dalam penggunaan ICT;
- ii. Penggunaan ICT 40 peratus yang merujuk kepada pengintegrasian ICT dalam pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran;
- iii. Aplikasi 10 peratus melibatkan sistem-sistem yang digunakan di sekolah; dan
- iv. Infrastruktur 10 peratus pula merujuk kepada infrastruktur teknologi yang digunakan di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah sekolah dianggap mencapai tahap bestari sekiranya sekolah tersebut telah mencapai sekurang-kurang tiga (3) bintang dalam SSQS. Sehingga kini sebanyak 8,147 sekolah telah mencapai sekurang-kurang tiga (3) bintang dalam SSQS. Antara cabaran yang dihadapi oleh KPM dalam usaha membestarikan semua sekolah adalah faktor geografi memandangkan lebih 60 peratus sekolah-sekolah berada di luar bandar. Sungguhpun begitu, KPM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan ICT bagi sekolah-sekolah luar bandar selaras dengan hasrat Kerajaan merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar.

Rjm 74

/11q:12.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]

TARIKH : 22 November 2010

SOALAN :44- |Z

PR-1233-L39881

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan industri pertanian baru seperti sarang burung layang-layang (walit) bagi menggantikan industri tembakau dan kenaf yang kini kelihatan semakin malap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan tanaman kenaf sebagai sumber pertumbuhan baru. Walau bagaimanapun, tanaman kenaf bukanlah merupakan tanaman alternatif kepada tembakau di tanah *Beach Ridges Interspersed Swales* (BRIS), sebaliknya ia akan dibangunkan ke seluruh negara sebagai komoditi baru.

Pada masa ini, LKTN membangunkan tanaman kenaf di negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah, Perak dan Sabah. Sehingga 15

September 2010, seluas 1,692 hektar kawasan tanaman kenaf yang telah dibangunkan oleh LKTN melibatkan 430 penanam. Sasaran keluasan tanaman kenaf dijangka meningkat kepada 2,210 hektar menjelang Disember 2010 dengan melibatkan seramai 440 penanam. Dengan pencapaian ini, pihak Kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk menggantikan industri tembakau dan kenaf dengan perusahaan sarang burung layang-layang (walit).

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 22 NOVEMBER 2010
(ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta
MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan rakyat berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri; dan
- (b) apakah kemudahan yang diberikan kepada pembeli baru agar mereka tidak menanggung kos yang keterlaluan kerana harga rumah yang terus meningkat naik kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) bagi memastikan rakyat berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri, Kerajaan akan terus mengawal harga rumah kos rendah swasta pada paras tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10), Kerajaan mensasarkan sebanyak 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi 78,000 unit yang dibina oleh Kerajaan dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menjual unit-unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa kepada penyewa-penyewa yang layak dengan harga antara RM30,000 - RM42,000 berdasarkan jenis rumah dan lokasi; dan

- (b) Kerajaan juga mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi

oleh rakyat terutama golongan pembeli baru yang berpendapatan kurang daripada RM 3,000 sebulan untuk memiliki rumah. Sehubungan itu, melalui Kementerian Kewangan dalam pembentangan Bajet 2011, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku yang akan dilaksanakan oleh Cagamas Berhad. Skim ini akan menawarkan jaminan Kerajaan ke atas bayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi harga rumah di bawah RM 220,000. Skim ini juga akan membolehkan pembeli rumah mendapat pinjaman 100 peratus tanpa perlu mengeluarkan 10 peratus wang pendahuluan seperti amalan lazim.

Selain itu, di dalam Bajet 2011, pembeli rumah pertama juga akan diberi pengecualian duti setem sebanyak 50 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara perjanjian pinjaman bagi rumah yang berharga tidak melebihi RM 350,000.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2010

NO SOALAN : 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

RAWA[PARIT BUNTAR]

NO. SOALAN:.16

TARIKH 22 NOVEMBER 2010

SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang usaha dan langkah diambil untuk mengukuhkan Institusi Mahkamah Syariah dan cabaran yang dihadapinya.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO'SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di- Pertua,

Pelbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan kewibawaan institusi Mahkamah Syariah. Langkah-langkah bagi mengukuhkan institusi Mahkamah Syariah merangkumi aspek-aspek berikut:

|

- (i) penyeragaman perundangan syariah antara negeri-negeri di Malaysia;
- (ii) menstruktur semula hirarki Mahkamah Syariah sedia ada dari tiga peringkat kepada 4 peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Rayuan Khas Syariah;
- (iii) penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga bagi memberi khidmat nasihat dan memantau kelewatan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah;
- (iv) menaik taraf gred perjawatan Hakim Mahkamah Syariah; dan
- (v) mewujudkan akademi latihan syariah bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai syariah.

Antara cabaran-abaran yang dihadapi dalam usaha mengukuhkan institusi Mahkamah Syariah ialah:-

- (i) bidang kuasa mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman jenayah syariah masih rendah menyebabkan kegerunan masyarakat terhadap hukuman Mahkamah Syariah masih rendah;
- (ii) kesukaran penguatkuasaan perintah mahkamah syariah kepada pihak -pihak yang berada di luar Negara;
- (iii) pengendalian Kes-kes penukaran status agama dan hal-hal berbangkit dari isu tersebut seperti hak jagaan anak dan harta; dan
- (iv) tindakan penyeragaman berkaitan undang-undang yang seragam seluruh negeri agak perlahan disebabkan bidang kuasa agama di b awah negeri. Masih terdapat beberapa undang-undang,

peraturan dan kaedah yang telah dipersetujui untuk penyeragaman sehingga kini masih belum dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOONSOON
(TEBRAU)
TARIKH : 22 NOVEMBER 2010
(ISNIN)

SOALAN

Y.B. TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal spekulasi harga rumah khususnya dari pelabur-pelabur asing yang bermotif “ *Hit and Run* “ supaya ekonomi negara tidak menjadi mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengawal spekulasi harga rumah melalui beberapa langkah tertentu antaranya

termasuk pelaksanaan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gains Tax*) pada tahun 2009. Pelabur-pelabur asing pula, hanya dibenarkan membeli rumah yang berharga RM 500 ribu ke atas bermula pada 1 Januari 2010 dan syarat-syarat pinjaman bank kepada mereka telah diperketatkan. Perkara ini akan terus dipantau dan langkah-langkah tambahan akan diperkenalkan jika terdapat keperluan pada masa akan datang.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2010

NO SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
TARIKH	22 NOVEMBER 2010
SOALAN	

Minta Perdana Menteri menyatakan berapakah perbelanjaan yang dibuat untuk membuka restoran di Arab Saudi oleh FELDA dan apakah progress projek tersebut dan berapa keuntungan/kerugian daripada pelaburan ini.

JAWAPAN	DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM
---------	--

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan *food court* FELDA di Arab Saudi bermula pada tahun 2007 iaitu apabila Lembaga Pengarah FELDA meluluskan pelaburan pajakan 5 unit *food court* di Kompleks Al- Safwah, Mekah Arab Saudi. Kos pelaburan, iaitu pajakan *food court* selama lima tahun ialah sebanyak SAR10.8 juta (RM10.03 juta). Melalui perjanjian Mudharabah operasi, *food court* dioperasikan oleh FELDA D'Saji Sdn Bhd (Mudharib) manakala perniagaan makanan di *food court*

diletakkan di bawah bidangkuasa FELDA Global Ventures Arabia Limited (FGVA) yang didaftarkan di Arab Saudi.

Dalam usaha untuk menarik minat pelanggan bukan melayu dan memaksimakan pendapatan, FGVA telah menambah kepelbagaian produk-produk jualan masakan Malaysia dan Arab. Memandangkan pasaran makanan segera sangat popular dikalangan masyarakat arab, satu *food court* telah diubahsuai untuk menepati spesifikasi kerajaan Arab Saudi untuk menjual masakan *Fast food*. Disamping itu, salah satu *food court* telah dikhususkan untuk penjualan masakan bercitarasa Arab. Kaji selidik sentiasa dilakukan oleh pihak FELDA untuk menambah baik jualan di *food court* dengan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kualiti produk jualan di *food court* tersebut.

Bagi tahun 2010, sehingga 31 Ogos 2010, FGVA mencatatkan pendapatan sebanyak SAR1.2 juta. Berdasarkan rekod perniagaan semasa musim haji 1430H, adalah dijangkakan FGVA akan dapat mencapai jualan yang tinggi untuk bulan-bulan Zukaedah dan Zulhijjah 1431H ini. Ini kerana kemuncak perniagaan di Mekah ialah semasa musim haji.

oooooooooooooooooooo

NO.AUM /#'*

NO. AUP :ft

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN**
 HAJI SALLEH [KALABAKAN]

TARIKH **22 NOVEMBER 2010 3229**

RUJUKAN

SOALAN: **Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [**
 Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI
menyatakan

- (a) Apakah Kementerian sedar bahawa ada beberapa Badan Keagamaan seperti Badan Wakaf, Persatuan dan Pertubuhan Agama yang diwujudkan atas asas dakwah dan memartabatkan agama tetapi pentadbirannya diselewengkan; dan
- (b) Jika sedar, apakah Kementerian merancang untuk mengambil tindakan tegas atas semua pesalah dan seterusnya menyelaraskan undang-undang yang berkaitan agar seragam di seluruh negara.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Kementerian menyedari ada pertubuhan-pertubuhan / badan-badan agama yang mana berlaku penyelewengan dalam pentadbirannya. Pemantauan dijalankan dari masa ke semasa oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) untuk mengenalpasti pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya siasatan yang dijalankan mendapati ada penyelewengan dari segi pentadbiran atau kewangan, maka perkara ini akan dirujuk kepada agensi-agensi seperti Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk tindakan berlandaskan undang-undang ke atas penyelewengan dalam pentadbiran pertubuhan- pertubuhan sebegini. Kerajaan dalam usaha mencegah dengan menjalankan kursus/seminar/bengkel untuk pertubuhan-pertubuhan mengenai cara urus tadbir yang baik (*good governance*).

No: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PADA	DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]
TARIKH	22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)
SOALAN	20

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah cadangan rangkaian baru laluan kereta api Pantai Timur Semenanjung akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan belum lagi menentukan tarikh pelaksanaan projek ini kerana masih di peringkat kajian.

Sungguhpun demikian, Kerajaan melalui kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), pada masa ini sedang melaksanakan satu kajian kemungkinan laluan rel bagi meningkatkan sistem pengangkutan keretapi di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kajian tersebut akan meliputi kajian sambungan rel dari Lembah Klang ke Mentakab, Kuantan, Kuala Terengganu dan terus ke Tumpat yang telah dimulakan pada 15 Disember 2009 dan dijangka siap pada 15 Disember 2010. Hasil kajian ini kelak akan membolehkan Kerajaan menentukan jajaran

landasan (*track alignment*) serta bentuk perkhidmatan keretapi yang akan dilaksanakan di Pantai Timur nanti.

Untuk makluman jua, pada masa ini telah terdapat sistem landasan keretapi sepanjang 72 km yang menghubungkan Kerteh dan Kuantan (KKRS). Landasan ini adalah milik Petronas bagi mengangkut barangan berasaskan petroleum antara Kerteh dengan Pelabuhan Kuantan.

NO.AUM : 19

NO.AUP : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]
TARIKH 22 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3092

SOALAN:

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian berikutan ramai warga asing yang menggunakan perkhidmatan kahwin kontrak bagi terus tinggal di dalam negara ini.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang DiPertua,

Terma perkhidmatan kahwin kontrak tidak digunakan oleh Kerajaan tetapi istilah yang sebenar ialah "*Marriage by Convenience*". Berdasarkan prosedur semasa di Jabatan Imigresen Malaysia, setiap pemegang Pas Lawatan Sosial yang telah mendaftarkan perkahwinan akan dijalankan naziran dalam tempoh enam bulan bagi mengesahkan ketulenan ikatan perkahwinan tersebut.

Tuan Yang DiPertua,

Sepanjang tahun 2010 (iaitu sehingga Ogos 2010), sebanyak 61,865 Pas Lawatan Sosial jangka panjang suami/isteri kepada warganegara telah dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui rekod JPN, jumlah pendaftaran perkahwinan pasangan warganegara Malaysia dengan pasangan warga asing dari tahun 2005 sehingga Ogos 2010 adalah seramai 52,069.

NO. AUM : 17

NO. AUP : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOKSENA]
TARIKH 22 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3091

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan menjalankan siasatan terhadap dakwaan bekas KPN Tan Sri Musa Hassan yang menyatakan ada campur tangan pihak ketiga yang memberi arahan kepada PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tata tertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Tuan Yang Dipertua

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berasas. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan profesional.


SJ.B/(57)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **22.11.201**
0



A. Saif
22/11/10

Datuk Raime bin Unggi (Tenom) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kerajaan dalam soal menangani penggunaan kad kredit yang mana telah menyebabkan pelbagai masalah kepada penggunanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan tahap penggunaan kad kredit adalah terkawal. Walaupun penggunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran semakin meningkat, pinjaman melalui penggunaan kad kredit tidak berada pada tahap kritikal. Jumlah terkumpul hutang kad kredit pada akhir bulan Ogos 2010 adalah sebanyak RM28.9 bilion atau 3.4% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan institusi perbankan dan 6.2% daripada jumlah pembiayaan

isi rumah (*household loan*). Tahap pinjaman tak berbayar (*non-performing loan*) kad kredit juga masih terkawal dan telah menurun kepada 1.8% daripada jumlah hutang kad kredit dalam tempoh yang sama.

2. Bilangan individu muflis disebabkan hutang kad kredit merangkumi 0.01% daripada jumlah pemegang kad kredit utama (iaitu sebanyak 405 individu daripada 3.2 juta pemegang kad utama) pada tahun 2009. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2010, bilangan individu muflis disebabkan hutang kad kredit kekal pada kadar yang sama iaitu 0.01% daripada jumlah pemegang kad kredit utama (iaitu sebanyak 287 individu daripada 3.0 juta pemegang kad utama).

3. Berdasarkan kepada statistik yang dikumpul daripada pengeluar kad kredit bagi tahun 2007 hingga 2009, tiada kes muflis dilaporkan bagi pemegang kad kredit yang berumur 25 tahun ke bawah. Bagi pemegang kad kredit yang berumur di antara 26 hingga 30 tahun, kes muflis akibat hutang kad kredit secara puratanya hanya 0.3% daripada jumlah keseluruhan individu yang muflis akibat hutang kad kredit. Secara puratanya, lebih separuh daripada individu yang muflis akibat hutang kad kredit bagi tempoh 3 tahun tersebut adalah individu yang berumur lebih daripada 45 tahun.

4. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dan memastikan tahap penggunaan kad kredit adalah berhemat dan terkawal dengan memperkenalkan Garis Panduan Kad Kredit yang memberi perlindungan kepada pengguna serta pendidikan mengenai penggunaan kad kredit.

Sebagai contoh, Garis Panduan Kad Kredit memerlukan pengeluar kad kredit membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS), iaitu satu sistem yang mempunyai maklumat kredit peminjam yang komprehensif untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon. Proses ini membantu pengeluar kad kredit menilai risiko keterhutangan si pemohon sebelum melulus atau menolak permohonan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah permohonan yang diterima oleh pengeluar kad kredit bagi tahun 2009, hanya 2.3 juta permohonan atau 48% daripada jumlah permohonan yang diterima telah diluluskan. Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2010 pula, hanya 0.8 juta permohonan atau 54.4% daripada jumlah permohonan yang diterima telah diluluskan. Bilangan yang rendah ini menunjukkan bahawa pengeluaran kad kredit tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- (i) Pengeluar kad kredit dikehendaki memberikan peringatan kepada pemegang kad kredit dalam penyata bulanan mengenai akibat jika hanya membayar jumlah minimum pada setiap bulan; dan
- (ii) Bank Negara Malaysia memberikan pendidikan kepada pengguna mengenai penggunaan kad kredit secara berhemat melalui laman web *Bankinginfo* dan buku kecil bermaklumat.

6. Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang beroperasi sejak April 2006 untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula pinjaman kepada individu, termasuk kad kredit. AKPK akan memberikan bantuan kepada peminjam individu bagi menyusun semula hutang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperoleh daripada institusi-institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara Malaysia.

Soalan No:24

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2010 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN TAN TEE BENG**
 (NIBONG TEBAL)
TARIKH **22.11.2010**

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan perincian nama-nama tempat atau kawasan yang didiami penduduk yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan saluran air paip.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah mensasarkan untuk mencapai liputan bekalan elektrik mencapai 99 peratus

di Semenanjung dan 95 peratus di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini, sejumlah 7,100 buah rumah melibatkan 315 buah kampung di Semenanjung, 56,700 buah rumah melibatkan 1,165 buah kampung di negeri Sabah dan 77,800 buah rumah di negeri Sarawak melibatkan 1,973 buah kampung perlu disambung bekalan elektrik.

Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, kerajaan mensasarkan liputan bekalan air mencapai 98 peratus di Semenanjung

dan 90 peratus di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini, sejumlah 153,100 buah rumah di Semenanjung, 111,600 buah rumah di negeri Sabah dan 92,400 buah rumah di negeri Sarawak perlu di sambung dengan bekalan air.

NO. AUM : 4/

NO. AUP : 1\$

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]
TARIKH 22 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3097

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang diluluskan mulai tahun 2005 sehingga 30 September 2010.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang diluluskan


mulai tahun 2005 sehingga 30 September 2010 ialah sebanyak 38,068.

SJ.B/(58)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**
PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **22.11.2010**


22/11/10

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kakitangan (eksekutif dan bukan eksekutif) berserta gaji, butir-butir elaun yang dinikmati oleh semua kakitangan di semua anak syarikat Khazanah Nasional Sdn. Bhd. Nyatakan juga kerja-kerja kontraktor dan kos perbelanjaan yang dilakukan pihak luar untuk Khazanah contohnya payroll Bahagian Sumber Manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pecahan kakitangan bagi sembilan buah syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) terbesar tersenarai yang dimiliki Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) yang terlibat dalam Program Transformasi GLC adalah seperti berikut:

Bil.	GLC	Kakitangan			Jumlah
		Pengurusan Kanan	Eksekutif	Bukan Eksekutif	
1	Axiata Group Bhd	199	2,240	1,313	3,752
2	CIMB Group Holdings Bhd	1,167	7,590	8,340	17,097
3	Malaysian Airline System Bhd	102	2,217	16,520	18,839
4	Malaysia Airports Holdings Bhd	184	517	5,826	6,527
5	Pos Malaysia Bhd	88	399	15,610	16,097
6	Proton Holdings Bhd	93	1,572	8,750	10,415
7	Telekom Malaysia Bhd	229	7,758	15,557	23,544
8	Tenaga Nasional Bhd	173	4,256	20,320	24,749
JUMLAH					121,020

Pengurusan Kanan: Pengarah dan Pengurus Kanan **Eksekutif:** Pengurus, Penolong Pengurus dan Eksekutif

Bukan Eksekutif: Setiausaha, Kakitangan Perkeranian, Pentadbiran Am, Pembantu Pejabat dan lain-lain jawatan.

2. Maklumat berkaitan kos kakitangan (termasuk gaji, elaun dan bonus) di sembilan buah GLC tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	GLC	Kos kakitangan (RM juta)
1	Axiata Group Bhd	683.3
2	CIMB Group Holdings Bhd	2,175.0
3	Malaysian Airline System Bhd	1,326.8
4	Malaysia Airports Holdings Bhd	247.7
5	Pos Malaysia Bhd	405.6
6	Proton Holdings Bhd	598.4
7	Telekom Malaysia Bhd	1,332.5
8	Tenaga Nasional Bhd	1,643.8
9	UEM Group Bhd*	304.0

* Ganjaran terkumpul bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di bawah Kumpulan (JEM Sumber: Laporan Tahunan 2009 syarikat)

3. Sepanjang tahun 2009, Khazanah telah menggunakan khidmat kira-kira 43 pembekal yang menyediakan pelbagai jenis khidmat dan perolehan utama, bukan sahaja bagi Khazanah tetapi juga bagi beberapa inisiatif Kerajaan di peringkat nasional. Pihak juru perunding serta pembekal yang dilantik terdiri daripada pihak tempatan dan juga asing, yang dipilih berdasarkan kepakaran dan mutu perkhidmatan masing-masing.

4. Khidmat rundingcara yang digunakan di antaranya adalah bagi projek-projek berkaitan pelaburan, khidmat nasihat perundangan dan pengambilan pekerja termasuk pelbagai inisiatif peringkat nasional seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), program latihan graduan (GEMS) serta inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi GLC. Manakala, bagi perbelanjaan berkaitan pembekal adalah untuk pelbagai jenis perolehan serta perkhidmatan dalaman dan beberapa inisiatif peringkat nasional yang diterajui oleh Khazanah selaku sekretariat Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC di antaranya Program Pembasmian Kemiskinan (Sejahtera) dan Program Pengambilan Sekolah Angkat (Pintar).

SOALAN NO: 27

FARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**
DARIPADA **Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]**
TARIKH **22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)**
SOALAN **Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta MENTERI**

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh

manakah usaha untuk

meningkatkan produktiviti sektor pertanian negara setakat ini dan senaraikan produk-produk pertanian seperti beras, kubis, bawang merah, bawang putih, ubi kentang, buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya (makanan) yang masih diimport serta anggaran nilainya.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan tempatan, usaha yang telah dilakukan adalah:

- i) penyusunan dan pengezonan semula kawasan pengeluaran sedia ada di bawah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi pengeluaran tanaman, Zon Industri Akuakultur (ZIA) bagi keluaran perikanan serta pembangunan Pusat Fidlot Nasional (PFN) bagi pengeluaran temakan ruminan. Pengezonan kawasan pengeluaran dapat menempatkan aktiviti-aktiviti di sepanjang rantai bekalan di satu kawasan, bagi pembangunan pertanian yang lebih efektif dan efisien.**

- ii) **penglibatan pihak swasta sebagai peneraju pembangunan kawasan tersebut agar aktiviti pertanian dapat dilakukan sebagai satu pemiagaan yang berupaya membuahkan hasil yang lumayan. Sebagai contoh sebanyak 27 syarikat sedang beroperasi dengan tanaman buah-buahan seperti belimbing, nangka, betik, pitaya, pisang, sayur-sayuran dan herba di TKPM Lanchang yang dialskanakan oleh pihak swasta..**
- iii) **penggunaan mekanisasi dan teknologi yang moden dan ekonomik yang sentiasa diperkenalkan kepada para petani agar hasil pengeluaran yang lebih tinggi dapat di peroleh bagi memenuhi permintaan bekalan makanan tempatan.**

Selaras dengan itu, Jabatan Pertanian telah menyediakan Insentif Amalan Teknologi meliputi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur jalan ladang, sistem pengairan dan perparitan ladang, kemudahan pagar, penyediaan input pertanian dan peralatan jentera pertanian kepada golongan sasaran yang terlibat di dalam industri pertanian. Insentif-insentif ini adalah sebagai pemangkin untuk memastikan golongan sasaran terbabit dapat mengamalkan teknologi yang disyorkan berasaskan Amalan Pertanian Baik seterusnya meningkatkan pengeluaran hasil yang berkualiti, selamat dimakan dan mesra alam. Insentif Amalan Teknologi diberikan melalui projek-projek pembangunan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, industri tanaman makanan, industri florikultur dan komoditi berpotensi dan industri asas tani.

Disamping itu, kemudahan mesin, peralatan dan kemudahan pasca tuai disediakan untuk memastikan hasil dan produk yang dipasarkan menepati piawaian dan kehendak pengguna. Semua insentif dalam bentuk infrastruktur dan bahan input pertanian di atas disediakan bagi petani atau usahawan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Keseluruhan bahan makanan negara pada tahun 2009 mencatatkan nilai eksport berjumlah RM15.7 juta dengan nilai import berjumlah RM26.7 bilion. Imbangan perdagangan bagi bahan makanan negara pula telah mencatatkan

defisit bernilai RM11.0 bilion.

Sayur-sayuran telah mencatatkan nilai import berjumlah RM2.3 bilion manakala buah-buahan pula telah merekodkan nilai import sebanyak RM1.3 bilion. Kedua-dua komoditi bagi bahan makanan negara ini telah menunjukkan defisit masing-masing bernilai RM1.6 bilion dan RM722 juta pada tahun 2009. Beras, bawang merah, ubi kentang, bawang putih dan kubis masing-masing telah mencatatkan nilai import sebanyak RM1.9 bilion, RM467 juta RM401 juta, RM221 juta dan RM81 juta.

NO. AUM : 22V

NO. AUP : H

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH 22 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3093

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan terkini pindaan ISA yang dikekalkan sungguh pun ancaman komunis telah berakhir. Apakah jaminan bahawa Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk terlibat di dalam

siasatan sesuatu kes.

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Bagan yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian kini dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan, pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan diberikan perhatian di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada Akta ini.

Hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenal pasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan ISA. Lima (5) isu pokok tersebut adalah;

1. kuasa-kuasa Menteri;
2. tempoh tahanan;
3. hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;
4. persepsi umum-perlaksanaan AKDN 1960; dan
5. penahanan tanpa bicara.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 19 Mac 2010 telah mengambil maklum perkara ini dan telah menetapkan supaya kajian dilanjutkan kepada akta-akta atau undang-undang pencegahan yang lain. Hasil daripada kajian selanjutnya itu, Kementerian telah memutuskan untuk turut melakukan semakan dan kajian terhadap tiga (3) lagi iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Pecegahan Jenayah 1959 dan Akta Buang Negeri 1959.

Namun demikian pihak kerajaan tidak akan tergesa-gesa dalam melaksanakan pindaan terhadap akta-akta tersebut dan akan melakukan kajian dan semakan yang mencukupi bagi memastikan pindaan yang ingin dilakukan itu berkesan dan tidak mendatangkan masalah baru dari segi perundangan, pelaksanaan dan sebagainya.

Siasatan terhadap sesuatu kes pula dijalankan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Kesiksaan (Penal Code) dan akta-akta lain yang terlibat termasuklah undang-undang pencegahan. Jika sebarang tindakan yang dilakukan tidak mengikut peruntukan perundangan yang sedia ada akan menyebabkan kes pendakwaan menjadi lemah ataupun pelaksanaan undang-undang pencegahan yang terbabit di cabar melalui permohonan Habeas Corpus di mahkamah. Dengan itu, isu kementerian mencampuri urusan siasatan adalah tidak wujud.

NO SOALAN :29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]

TARIKH 22 NOVEMBER 2010

SOALAN 26

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status *backlog* kes-kes di Mahkamah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat., status *backlog* kes-kes di Mahkamah setakat 30 September 2010 adalah seperti di dalam jadual berikut:

Mahkamah	Jumlah Kes	
	Sivil	Jenayah
Tinggi	5,804	122
Sesyen	2,216	706
Majistret	220	2,352

• Jumlah kes di atas adalah kes-kes Pra 2007. (Didaftarkan pada tahun 2007 dan tahun sebelumnya)

•• Kes-kes tertunggak sehingga kini didefinisikan sebagai kes-kes yang didaftarkan pada tahun 2007 atau tahun-tahun sebelumnya yang masih belum diselesaikan.

NO. AUM : 27* **
NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH	22 NOVEMBER 2010
RUJUKAN	3230

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berikutan peningkatan kes penghinaan kaum dan agama di kalangan rakyat Malaysia, adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal dan menguatkuasakan Akta Perhubungan Kaum bagi membendung situasi tidak sihat ini bagi menggantikan Akta Hasutan 1948 yang kurang berkesan.

Tuan Yang Di-Pertua,
Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Tujuan Akta Hasutan yang diperkenalkan pada tahun 1948 adalah bagi membendung mana-mana orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai kecenderungan menghasut melalui perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain sehingga menimbulkan kemudaratan kepada sesuatu pihak yang lain. Falsafah dan nilai-nilai yang terkandung dalam Akta Hasutan adalah untuk mengelakkan berlakunya elemen-elemen berikut:

- (i) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- (ii) Membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;

- (iii) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- (iv) Menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau dikalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (v) Mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (vi) Mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Dengan yang demikian, Akta Hasutan 1948 dalam konteks negara Malaysia dilihat masih berkesan digunakan didalam menyelesaikan kes-kes yang ada hubung kait dengan isu-isu agama dan perkauman yang sering dipersoalkan khususnya sejak akhir-akhir ini. Pada ketika ini, terdapat sepuluh (10) laporan polis yang melibatkan isu

SOALAN NO: 31

perkauman telah diterima dan pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan di bawah Akta ini. Walaupun dengan hanya 10 kes, ianya dapat membendung isu perkauman ini dari menjadi lebih serius. Maka persoalan bagi menggantikan Akta ini tidak timbul sama sekali.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan memberi kerjasama dalam mengemukakan maklumat sekiranya perlu kepada Kementerian yang berkaitan jika terdapat rancangan untuk menggubal Akta Perhubungan Kaum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

TUAN JEFF OOI CHUAN [JELUTONG]

SOALAN NO: 31

TARIKH 22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah dana yang bertindan dalam Tabungan *Universal Service Provision* (USP) sejak 1998 hingga sekarang dan apakah projek-projek yang telah dibiayai menerusi Tabung tersebut selama ini. Nyatakan pembekal-pembekal yang diberikan kontrak serta jumlah kos kontrak masing-masing, bagi tempoh masa yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah dana yang terkumpul setakat 31 Disember 2009 adalah sebanyak RM4.773 billion. Dana ini kebanyakannya digunakan untuk pembiayaan pembinaan prasarana telefoni dan jalurlebar diseluruh negara serta untuk membantu meluaskan liputan kawasan perkhidmatan dikawasan-kawasan di pinggiran kawasan liputan yang sedia ada.

SOALANNO: 31

Antara projek-projek yang telah dijalankan ialah penyediaan telefoni asas di 89 daerah USP diseluruh Negara yang mana pembekal- pembekal perkhidmatannya terdiri dari pemegang-pemegang lesen seperti Telekom Malaysia, TimedotCom, Celcom, eB, DiGi dan Maxis. Projek-projek lain termasuk projek perpustakaan jalurlebar di 105 lokasi dari tahun 2007 hingga tahun 2013, 174 pusat jalurlebar komuniti dari tahun 2007 hingga 2014 dimana pembekal perkhidmatannya antara lain ialah Telekom Malaysia, Time dotcom, Celcom, eB, DiGi, Maxis, Danawa, PacketOne dan RedTone. Selain itu, terdapat juga projek- projek di kawasan Felda, luasan liputan di Lebuhraya Timur-Barat serta pembinaan 873 menara-menara baru dikawasan luar bandar berjumlah RM1.571 billion dengan separuh daripadanya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang DiPertua,

Pihak SKMM setiap tahun menyediakan penyata kewangan kegunaan dana ini termasuk huraian projek-projek yang dilaksanakan. Saya ingin menjemput YB dari Jelutong untuk meninjau Laporan Tahunan USP dari SKMM yang boleh dimuat-turun dari laman webnya www.skmm.gov.my.

NO. AUM :ZlyQ
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TARIKH PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]
RUJUKAN 22 NOVEMBER 2010
SOALAN: 3094

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemohon Pemastautin Tetap yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2008 dan 2009 dan jumlah pemohon yang masih menunggu keputusan. Apakah kelulusan permohonan Pemastautin Tetap ini diputus oleh Menteri/Kementerian Dalam Negeri atau pun diputus oleh pihak Imigresen.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah pemohon Permastautin tetap yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2008 dan 2009 adalah berjumlah 16,704 manakala jumlah yang masih menunggu keputusan ialah 1,242.

Untuk makluman Ahli Yang terhormat juga sebelum seseorang warganegara asing memperoleh status Pemastautin Tetap atau Penduduk Tetap (*Permanent Resident- PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63. Seseorang warga asing yang telah dikeluarkan Permit Masuk adalah layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap bagi membolehkan mereka dikeluarkan MyPR (dahulu dikenali sebagai Kad Pengenalan Merah) oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Berdasarkan perkara 10 Akta Imigresen 1959/63 Permohonan Permit Masuk boleh dibuat di mana-mana pejabat imigresen yang berhampiran tertakluk kepada syarat pemohon hendaklah mempunyai dokumen perjalanan/pasport yang sah. Pertimbangan dan keputusan permohonan Permit Masiik adalah di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Imigresen. Pemohon yang permohonannya ditolak oleh Ketua Pengarah Imigresen boleh merayu secara bertulis dalam tempoh 30 hari kepada Y.B. Menteri Dalam Negeri yang mempunyai kuasa untuk menimbang rayuan Permit Masuk dan keputusan Y.B. Menteri berkenaan adalah muktamad, selaras dengan Seksyen 10(3) Akta Imigresen 1959/63.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TARIKH: 22 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sejauh manakah Kerajaan Malaysia serius dalam menetapkan polisi gaji minimum di Malaysia serta sektor-sektor perindustrian atau pemiagaan yang akan dikenal pasti bagi penetapan polisi gaji minimum ini.

PR-1233-L39633

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan dasar Gaji Minimum di negara ini. Dasar ini bertujuan, antara lainnya, untuk meningkatkan gaji pekerja swasta di negara ini yang meningkat terlalu rendah sejak lebih 10 tahun yang lepas dan mengambil kira peratus pekeija yang mendapat gaji di bawah RM700 sebulan, iaitu 34 peratus daripada 1.3 juta pekerja yang dikaji di bawah *National Employment Return* (NER) pada tahun 2009. Seterusnya, Kerajaan berharap dengan pelaksanaan dasar ini, akan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya.

2. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2011 telah menyatakan persetujuan Kerajaan untuk melaksanakan sistem Gaji Minimum

Kebangsaan. Kerajaan akan menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran. Majlis ini bertanggungjawab untuk mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan, sektor/industri yang akan terlibat dan sebagainya. Suatu Akta mengenai pelaksanaan gaji minimum dan penjalanan Majlis tersebut juga sedang digubal dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2011.

3. Majlis tersebut akan membuat konsultasi dengan semua pihak yang terlibat mengenai kuantum gaji minimum yang akan ditetapkan dengan mengambil kira aspek-aspek perlindungan kepada pekerja dan keupayaan syarikat serta kesan kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Mekanisme pelaksanaan yang akan dicadangkan oleh Majlis tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum sebarang pengumuman dibuat.

4. Pihak Kementerian Sumber Manusia ketika ini sedang mengadakan perbincangan dengan semua *stakeholders* bagi menggubal akta gaji minimum kebangsaan. Pelaksanaan gaji minimum perlu dibuat dengan berhati-hati kerana ia boleh memberi kesan ke atas ekonomi dan pekerjaan di negara ini sekiranya kadar yang ditetapkan terlalu tinggi. Contohnya Hong Kong yang baru-baru ini meluluskan undang-undang mengenai gaji minimum mengambil masa lebih 10 tahun membuat kajian dan pada masa ini pun Hong Kong masih belum melaksanakan gaji minimum.

Soalan No: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA DR.HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA
SELANGOR]

TARIKH

22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

34

Dr. Haji Dzulkafly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah benar bahawa pada 21 Oktober 2003, Pentadbiran di bawah Tun Dr Mahathir telah menawarkan kontrak membina Landasan Berkembar Elektrik Ipoh- Padang Besar dan Seremban-JB kepada syarikat MMC-Gamuda dengan harga RM 14.448 bilion melalui kaedah 'Swiss Challenge'. Mengapakah setelah projek ini dibatalkan oleh Pentadbiran Tun Abdullah Badawi pada 17 Disember 2003, harga yang ditawarkan kepada tawaran MMC-Gamuda apabila projek diteruskan kembali pada 13 Disember 2007 untuk pakej Ipoh-Padang Besar sahaja adalah pada harga RM12.485 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Kuala Selangor, adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan telah menawarkan kontrak Projek Membina Landasan Berkembar Elektrik Ipoh- Padang Besar dan Seremban-JB dalam satu pakej yang bernilai RM14.448 bilion kepada syarikat MMC-Gamuda pada tahun 2003 secara kaedah 'Swiss Challenge' atau inisiatif pembiayaan swasta. Tiada wujud kontrak atau surat pembatalan sedemikian dalam rekod Kementerian.

Bagaimanapun dalam tahun 2007, Kerajaan telah merundingkan semula pelaksanaan projek pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Ipoh - Padang Besar dengan MMC-Gamuda melalui kaedah pembiayaan penuh di bawah projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Harga kontrak telah dimuktamadkan pada RM 12.485 bilion dan Surat Setuju Terima (LOA) telah dikeluarkan pada 13 Disember 2007 dengan tempoh siap selama 60 bulan atau pada Disember 2013. Harga kontrak tersebut adalah munasabah berdasarkan penilaian Kerajaan dengan mengambilkira anggaran kenaikan kos pembinaan, tenaga kerja dan peralatan/bahan berkaitan dalam tempoh kontrak (2007-2013) berbanding dengan kos tahun 2003.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. RAMASAMY A/L P ALAN IS AMY
[BATU KAWAN]
TARIKH 22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Affirmative Action Plan dalam Model Baru Ekonomi adalah berdasarkan kepada pelaksanaan mengikut keperluan rakyat tanpa mengira kaum di mana pelan ini masih lebih mirip kepada pelan yang serupa dalam Dasar Ekonomi Baru yang mementingkan etnik kaum.

JAWAPAN:

Seperti yang telah dinyatakan dalam Laporan MBE Bahagian Pertama dan juga disebut oleh YAB Perdana Menteri berulang kali, dasar tindakan afirmatif baru akan berasaskan 4 prinsip teras iaitu mesra pasaran, telus, berdasarkan keperluan dan merit. Oleh itu segala dasar dan program yang dirangka bagi menangani keperluan kumpulan isi rumah 40% yang terendah akan dilaksanakan tanpa mengira kaum. Begitu juga dalam segala usaha kerajaan untuk meningkatkan pembinaan keupayaan dan kemampuan dikalangan usahawan perusahaan kecil sederhana (IKS), selain dari memberi fokus kepada

pembangunan

masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, program-program bagi keperluan PKS bukan bumiputera juga akan dirangka berdasarkan 4 prinsip asas yang tersebut lebih awal.

Mot 3E

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH

22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

**JAWAB LISAN
NO. 36**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta
MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah program dan
khidmat sokongan yang diberikan kepada pelajar dan peminjam PTPTN.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, PTPTN telah mengadakan beberapa program dan khidmat sokongan kepada peminjam PTPTN antaranya dengan mengadakan sesi taklimat di institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara bagi memberi penerangan dan maklumat yang jelas kepada pelajar mengenai pembiayaan PTPTN.

Bagi meringankan beban pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA, PTPTN telah menyediakan kemudahan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sebanyak RM1,500. Pemberian WPP telah

dimulakan sejak tahun 1999 ditawarkan kepada pelajar di mana pendapatan bulanan keluarga tidak melebihi RM3.000.

Di samping itu, PTPTN juga turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi pelanggan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang berkualiti dan memudahkan pelanggan berurusan dengan PTPTN. Antaranya melalui kaunter utama PTPTN, portal PTPTN, emel, telefon dan e-forum. PTPTN juga telah mewujudkan Bahagian *Call Centre*, *One Stop Centre* dan *Info Centre*. PTPTN juga telah menggunakan sistem pengurusan aduan iaitu Integrasi Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) yang turut digunakan oleh Biro Pengaduan Awam.

Bagi memperluaskan lagi tanggungjawab sosial, PTPTN sedang merangka program Tanggungjawab Sosial Korporat/ *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang akan memberikan manfaat kepada masyarakat dan pelajar. Antara program yang sedang dikenalpasti adalah seperti Program Jati Diri Pelajar / Program Bersama IPT, Program Kemasyarakatan dan Alam Sekitar, serta hebahan aktiviti berkaitan melalui Kerjasama Dengan Media Cetak / Elektronik / *Blogger*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH 22 NOVEMBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI

NO. SOALAN: 37

menyatakan pecahan kos lab NKEA termasuk bayaran kepada konsultan seperti Mckinsey & Co, BCG, Ethos Consulting dan sebagainya. Berapa peratus daripada cadangan projek NKEA akan dibiayai oleh Kerajaan dan berapa peratus harus bergantung kepada sektor swasta.

JAWAPAN:

PEMANDU telah membelanjakan sebanyak RM16 juta untuk membayar tujuh syarikat konsultan demi membantu mengendalikan 12 makmal NKEA. Jumlah ini kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan UK, Perancis, Amerika Syarikat dan lain-lain untuk program transformasi kerajaan mereka tersendiri.

Bagi pecahan peratus pembiayaan projek-projek NKEA di bawah ETP, hanya 8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan akan dibiayai oleh Kerajaan sektor swasta akan membiayai sebanyak 92% daripada pelaburan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
LISAN
YB. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)

PERTANYAAN
DARIPADA

TARIKH
NO. SOALAN

38 22.11.2010 (ISNIN)

YB. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan

- a) Berapakah bilangan yayasan dan modal terkumpul bagi tahun 2005
hingga kini; dan
- b) Berapakah yang telah dibatalkan pendaftarannya dan nyatakan
sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

'Yayasan' adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) yang
diperbadankan di bawah seksyen 24(1) Akta Syarikat 1965 (AS 1965). Menurut
rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), jumlah SBJM yang telah
diperbadankan sejak tahun 2005 sehingga 30 Oktober 2010 adalah seperti berikut:

SBMJ dengan perkataan "Yayasan"	194
SBMJ tanpa perkataan "Yayasan"	316
Jumlah	510

Walaupun sesebuah SBMJ tidak perlu mempunyai pemegang saham dan memperuntukkan modal saham dibenarkan, sesebuah SBMJ itu perlu mengadakan dana permulaan untuk menjalankan aktivitinya. Dana tersebut boleh diperolehi daripada yuran keahlian, sumbangan dan kutipan daripada orang awam.

Daripada 510 jumlah keseluruhan SBJ yang telah diperbadankan, jumlah dana permulaan yang terkumpul setakat 30 Oktober 2010 ialah sebanyak RM70 juta.

Tuan Yang DiPertua,

Menurut rekod SSM, jumlah SBMJ yang telah dibatalkan pendaftarannya sejak tahun 2005 sehingga 30 Oktober 2010 adalah seperti berikut:

SBMJ dengan perkataan 'Yayasan'	26
SBMJ tanpa perkataan 'Yayasan'	47
Jumlah	73

Kebanyakan SBMJ ini telah dibatalkan pendaftarannya kerana SBMJ ini gagal menjalankan operasinya atau tidak lagi menjalankan aktivitinya.

DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN

TARIKH: 22 NOVEMBER 2010

SOALAN: Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penetapan gaji dan semua bentuk elaun yang dinikmati oleh Anggota Kabinet dan Setiausaha Politik, serta jumlah emolumen dan elaun kepada Anggota Kabinet dari tahun 2005 hingga 2009.

JAWAPAN OLEH: Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kedudukan gaji bulanan Anggota Kabinet seperti yang terdapat dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 [Akta A1244] yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004 adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	
(i)		Y <u>Gaii sebulan</u>
	.A.B. Perdana Menteri	RM22,826.65
(ii)		Y
	.A.B. Timbalan Perdana Menteri	RM18,168.15
		RM14,907.20

(iii) Y.B. Menter

2. Manakala gaji bulanan Setiausaha Politik sebagaimana yang ditetapkan dalam Ketentuan Saraan Setiausaha Politik 1980 adalah sebanyak RM5,709.99 yang juga berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004.

3. Jumlah gaji tahunan yang telah dibayar kepada Anggota Kabinet bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Jumlah Gaii Tahunan
0)	2005	RM6,007,601.60
(ii)	2006	RM5.858,529.60
(iii)	2007	RM5.858,529.60
(iv)	2008	RM5,783,993.60
(v)	2009	RM5,470,942.40

MOiy~Q

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

: LISAN

DARIPADA P
KAWASAN E
TARIKH R
NO. SOALAN T
AN Y
A

DR. LEE BOON CHYE GOPENG

22.11.2010 (Isnin)

tm Ao

DR. LEE BOON CHYE minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing FDI setiap tahun semenjak 2006 .

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2006-2010, tren pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan

perkilangan telah menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2006, jumlah FDI yang diterima dalam sektor tersebut adalah sebanyak RM20.2 bilion manakala pada tahun 2007 jumlah yang diterima adalah sebanyak RM33.4 bilion. Seterusnya, pada tahun 2008 dan 2009, jumlah FDI yang

diterima adalah sebanyak RM46.1 bilion dan RM22.1 bilion masing-masing. Bagi tempoh Januari-Qqos 2010 pula, jumlah FDI yang diterima adalah RM11.5 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaburan langsung asing menggalakkan pertumbuhan ekonomi di dalam negara. Di antara kesan positif FDI ke atas ekonomi Malaysia adalah:

® sumbangan kepada transformasi sektor perkilangan kepada industri berteknologi tinggi;

- mewujudkan peluang pekerjaan daripada projek-projek pelaburan yang di laksanakan serta meningkatkan kemahiran sumber manusia tempatan;

- pembangunan industri-industri sampingan serta perkhidmatan;

- meningkatkan produktiviti nasional secara positif; pertumbuhan dan pembangunan kawasan-kawasan perbandaran yang baru; dan

kesan iimpahan dan tidak langsung termasuk pemindahan

teknologi, meningkatkan pengetahuan syarikat domestik ke atas penyelidikan dan pembangunan.

